

07 MAY 2002

Mahathir-Jenin/I

M'SIA TIMBANG HANTAR BANTUAN KEPADA RAKYAT PALESTIN DI JENIN

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau akan mengemukakan cadangan kepada kerajaan untuk Malaysia menghantar bantuan kewangan, makanan atau perubatan kepada mangsa serangan tentera Israel di penempatan pelarian Palestin di Jenin.

Perdana Menteri berkata beliau baharu sahaja menerima satu laporan daripada seorang rakannya di Dubai mengenai keadaan di sana.

"Dia menunjukkan gambar-gambar kerosakan di Jenin yang menunjukkan seolah-olah telah berlaku gerak gempa yang dashyat.

"Dia meminta kita mengadakan usaha untuk membantu dan saya akan mengemukakan cadangan kepada kerajaan supaya kita memberi bantuan sama ada wang, makanan atau ubat," katanya pada sidang media selepas menyampaikan ucap tama pada Persidangan Ketujuh Menteri-menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam di sini.

Dr Mahathir mengkritik keputusan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk membubarkan misi mencari fakta bagi menyiasat apa yang sebenarnya berlaku di Jenin berikutan dakwaan bahawa rakyat Palestin telah dibunuh beramai-ramai di sana.

Perdana Menteri mempersoalkan amalan diskriminasi PBB seperti yang ditunjukkan oleh badan dunia itu yang mendesak supaya ia dibenarkan memeriksa tempat-tempat senjata Iraq bagi mengawasi program senjata nuklear negara itu.

"Jika mereka perlu memeriksa, PBB mesti memeriksa semuanya ataupun PBB jangan periksa langsung," katanya.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata beliau percaya bahawa lebih banyak tindakan ganas akan dilakukan selagi masalah Asia Barat tidak diselesaikan kerana rasa marah umat Islam semakin memuncak sekarang.

Katanya selepas serangan 11 Sept ke atas Amerika Syarikat, negara-negara Islam telah melahirkan kesediaan untuk bekerjasama dalam menentang keganasan tetapi mereka kini terpaksa berdepan dengan diskriminasi dalam mentafsirkan keganasan.

"Keganasan Israel tidak dikutuk manakala serangan oleh pengikut Arafat dikecam. Ini sungguh tidak adil. Dan dengan itu umat Islam sekarang menjadi lebih marah berbanding sebelum ini," katanya.

Dr Mahathir berkata ini kerana Israel telah mengambil kesempatan daripada langkah dunia menentang keganasan dengan menyerang rakyat Palestin atas alasan kononnya rakyat Palestin adalah pengganas.

"Tetapi serangan Israel itu merupakan satu tindakan keganasan yang lebih teruk lagi kerana ia disokong oleh kerajaan. Tindakan yang dilakukan oleh rakyat Palestin tidak disokong oleh kerajaan (Palestin)," katanya.

Malahan, beliau berkata kerajaan Palestin dihalang daripada mempunyai sebarang kawalan ke atas penduduknya yang bertindak sendiri kerana terpaksa.

Sambil menekankan beliau tidak menyokong perbuatan serangan berani mati, Dr Mahathir berkata seseorang itu terpaksa menerima hakikat bahawa penduduk negara itu tiada pilihan kerana tiada sesiapa yang menolong mereka.

Menyentuh mengenai Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Perdana Menteri berkata badan induk negara-negara Islam itu perlu diingatkan supaya ia perlu efektif dan mengurangkan perbezaan pendapat.

"Saya tahu ia sangat sensitif untuk saya berkata demikian, tetapi saya rasa saya perlu luahkannya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata OIC boleh mengeluarkan kenyataan keras mengenai keadaan di Palestin tetapi tiada siapa peduli kerana umat Islam sendiri tidak bersatu hati dan kelihatan tidak berupaya berbuat apa-apa mengenainya.

Sebab itu mengapa umat Islam mesti mencari cara yang lebih berkesan untuk menangani isu itu termasuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan mereka, kata beliau.

"Saya tidak percaya yang 1.3 bilion Islam di dunia tidak boleh berbuat apa-apa. Kita boleh tetapi kita kena fikir, jangan kita bertindak kerana nak lepas geram, kerana marah. Itu tak guna," katanya.

Menjawab soalan kenapa umat Islam terutamanya penduduk Arab tidak sependapat mengenai isu-isu yang melanda mereka, Dr Mahathir berkata ini adalah kerana umat Islam pada umumnya hanya bercakap mengenai Islam sedangkan hakikatnya mereka tidak mengikut ajaran Islam.

"Kebanyakan kita bercakap mengenai persaudaraan sesama Islam dan kemudian kita saling berbunuhan. Seperti di Algeria, mereka membunuh umat Islam kerana Islam. Ini tidak betul, itu bukannya ajaran Islam," katanya.

-- BERNAMA

MAM MFJ RHM